

17 MAY 1997

Mahathir-Eropah

DR MAHATHIR AKAN MENEMUI AHLI-AHLI PERINDUSTRIAN IT EROPAH

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi penerangan mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada 740 ketua pegawai eksekutif syarikat-syarikat Teknologi Maklumat (IT) di Eropah pada Selasa depan (20 Mei).

Perdana Menteri berkata, beliau akan menerangkan mengenai MSC kepada nama-nama terkemuka dalam industri IT di Eropah semasa pertemuan dengan mereka di Imperial College di London.

"Saya akan menerangkan kandungan MSC, kemudahan dan potensi serta menjawab soalan daripada mereka," kata beliau dalam persidangan berita selepas majlis pecah tanah sempena pelancaran Cyberjaya, iaitu nukleus MSC yang terletak di tapak seluas 2,800 hektar di Bukit Damar di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau yakin yang pertemuan di London itu akan lebih berjaya daripada yang diadakan di Amerika Syarikat (AS) sebelum ini.

"Semasa saya berada di AS, masih terdapat keraguan mengenai projek itu," kata beliau lagi.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beberapa tokoh industri IT di AS telah menunjukkan minat mereka untuk menyertai projek itu ataupun bersedia menjadi anggota panel penasihat antarabangsa.

Dr Mahathir berkata, beliau akan terus melawat lebih banyak negeri untuk menjelaskan mengenai projek itu memandangkan Malaysia mahukan penyertaan sebanyak mana yang boleh.

Kini dijangka quota 50 syarikat bagi fasa pertama projek itu akan dicapai lebih awal daripada tahun 2000.

"Kita mahu semua orang di dalamnya. Kita tidak boleh mengetepikan Eropah. Bahagian timur Amerika juga belum diterokai dan kita perlu pergi ke sana untuk memperkenalkan kepada mereka projek itu," kata beliau lagi.

Beliau berkata, pendekatan yang diambil oleh kerajaan pada masa ini ialah menemui pelabur berpotensi secara terus yang merupakan cara terbaik memperkenalkan projek MSC itu. -- BERNAMA

TM AH PR